



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

## **PEKELILING BENDAHARI**

---

**Bilangan 1 Tahun 2019**

### **TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN SUMBANGAN / HADIAH / DERMA TUNAI DARI INDIVIDU / PIHAK LUAR KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan tentang tatacara menguruskan sumbangan / hadiah / derma berbentuk tunai yang diterima dari individu atau pihak luar selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-215 pada 07 Mei 2019.

#### **LATAR BELAKANG**

1. Sumbangan, hadiah dan derma berbentuk wang tunai adalah untuk mengumpul dana dan juga membolehkan orang ramai, perseorangan, alumni atau pihak-pihak tertentu menyumbang kepada pelaksanaan program anjuran UiTM.
2. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 5 Tahun 2018 menyatakan kutipan sumbangan derma wang tunai kepada UiTM adalah tertakluk kepada pelepasan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

#### **PROSEDUR SEDIADA DAN ISU**

3. Setelah mendapat kelulusan Naib Canselor UiTM, jabatan dan pusat tanggungjawab (PTJ) UiTM akan membuat permohonan sumbangan daripada pihak-pihak luar dalam menjayakan program yang akan dianjurkan.
4. Pihak-pihak luar yang bersetuju memberi sumbangan tunai biasanya meminta bil / invoice dari pihak UiTM bagi tujuan perakaunan mereka.
5. Praktis semasa Pejabat Bendahari UiTM adalah mengeluarkan bil / invoice bagi sumbangan yang akan diterima sesuai dengan keperluan dan permintaan pihak yang memberi sumbangan.


6. Pengeluaran bil atau inouis ini berisiko menyebabkan pertambahan jumlah hutang tertunggak sekiranya berlaku situasi pembatalan sumbangan.

#### PELAKSANAAN TATACARA PENGURUSAN

7. UiTM telah diberi kelulusan pelepasan cukai sumbangan derma wang tunai di bawah pengecualian cukai pendapatan subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (**Lampiran A**). Oleh yang demikian, setiap sumbangan dan derma tunai dari pihak luar tidak memerlukan kepada penjanaaan bil / inouis.
8. Proses kerja bagi pengurusan terimaan sumbangan, hadiah dan derma tunai dari pihak luar adalah seperti di **Lampiran 1**.
9. Bagi memenuhi permintaan atau keperluan penyumbang, pengeluaran bil atau inouis dilakukan melalui kaedah manual atau pro forma seperti format di **Lampiran 2**.
10. Resit rasmi terimaan (dengan *stamp* rasmi pengecualian cukai UiTM) serta surat makluman pelepasan cukai pendapatan (salah satu atau kedua-duanya mengikut keperluan) seperti di **Lampiran 3** (tertakhluk kepada kelayakan dan syarat semasa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)) juga akan diberikan kepada pihak luar / individu yang memberi sumbangan.

#### TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 Julai 2019.



DR HAJI MOHD ANUAR MAZUKI  
Bendahari





***Dikelilingkan Kepada:***


***Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari***

Bil. Fail : 100-BBI(PTA. 6/6)  
No. Siri : 100-BBI(PTA/01/2019)


LAMPIRAN 1

**CARTA ALIR**  
**Proses Terimaan Sumbangan, Hadiah atau Derma dari Penyumbang Luar**

Tanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Rekod
		Mula	
Jabatan / PTJ		1. Memohon sumbangan melalui surat permohonan / email dari pihak yang telah disenaraikan untuk program yang akan diadakan (setelah mendapat kelulusan Naib Canselor).	
Penyumbang		2. Pihak penyumbang meminta bil / inouis.	
Jabatan / PTJ		3. Jabatan yang memohon sumbangan mengeluarkan bil / inouis pro forma/ manual kepada penyumbang (Lampiran 2).	



DOKUMEN INDUK





## LAMPIRAN 3

Surat kami :  
Tarikh :

(Nama syarikat / individu penyumbang)  
(Alamat)

Tuan/Puan,

**PELEPASAN CUKAI DI BAWAH SUB SEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
BAGI DERMA / SUMBANGAN TUNAI KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA UNTUK  
PROGRAM (NYATAKAN NAMA PROGRAM)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak universiti telah mendapat kelulusan daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi setiap derma / sumbangan untuk dikecualikan cukai pendapatan di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Rujukan : LHDN.01/35/42/51/179-6.2520  
Tarikh Kuatkuasa : 31/3/81  
Warta Kerajaan : Bilangan 7055  
Tarikh Warta Kerajaan : 5/11/81

3. Sehubungan dengan itu semua sumbangan tunai daripada pihak tuan adalah tertakhluk kepada pengecualian di bawah Sub Seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 (kelayakan adalah tertakhluk kepada terma smasa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**WAN HASMADI WAN MOHAMED**  
Ketua Timbalan Bendahari  
Pejabat Bendahari

← Untuk contoh.  
Boleh ditandatangani oleh  
ketua pejabat kewangan  
masing-masing.